

Tutorial ICT

Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com



Tulen atau tidak?

TERDAPAT cara ringkas untuk memeriksa sama ada sesebuah iPhone itu baharu, diperbaharui, atau pengganti.

Bagaimana untuk menyemak sama ada iPhone itu diperbaharui?

Panduan ini memberi manfaat kepada mereka yang akan membeli iPhone baharu dan juga yang sering membeli iPhone secara dalam talian atau terus dari pembeli secara bersemuka.

Telefon pintar iPhone yang baru dibeli mestilah segala perantinya baharu dan tidak diperbaharui kerana bayaran dibuat adalah untuk iPhone baharu.

Bagi menentukan sama ada status sesebuah iPhone itu adalah peranti baru, diperbaharui atau penggantian, hanya perlu mengetahui modelnya.

Permulaannya, cari model iPhone dan selepas itu, ikut kaedah yang berikut untuk menyemak sama ada iPhone itu diperbaharui atau baharu.

1 Pergi ke konfigurasi iPhone dengan membuka menu, *Settings*.

2 Kemudian buka seksyen *General* dan tap pilihan *About*. Di sini, terdapat kelihatan maklumat berkaitan dengan iPhone tersebut.

3 Seterusnya, cari bahagian *Model* dan kod nilaiannya akan tertulis seperti berikut, MN572LL/A.

Huruf pertama daripada nilai kod model ini akan memberitahu sama ada iPhone itu diperbaharui, baharu, gantian atau bahkan penyesuaian dengan perkhidmatan peribadi Apple.

Terjemahannya adalah seperti berikut.

M - Jenama baharu
F - Diperbaharui
N - Penggantian
P - Penyesuaian dengan perkhidmatan peribadi.

Jangan keliru dengan nombor model iPhone. Nombor model peranti iPhone biasanya kelihatan seperti ini A 1661 yang merupakan iPhone 7 Plus.